

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 10 JUN 2014

SOALAN :

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk menentukan harga getah akan naik ke satu tahap yang lebih memuaskan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga getah seperti lain-lain komoditi lain bergantung kepada faktor-faktor penawaran dan permintaan dunia. Perkara ini ada kaitan dengan pertumbuhan ekonomi di negara-negara pengimport utama seperti Kesatuan Eropah, Amerika Syarikat, China dan Jepun.

Sejak suku tahun ketiga 2013, pertumbuhan ekonomi yang perlahan telah menyebabkan penurunan dalam permintaan. Ini secara langsung telah memberi impak negatif kepada harga komoditi termasuk getah.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan menyedari bahawa penurunan harga getah mempunyai kesan kepada pendapatan para pengusaha tanaman getah terutamanya pekebun kecil. Antara langkah-langkah jangka pendek yang diambil termasuk:

- i. Memantau pergerakan harga getah supaya memastikan harga di peringkat ladang (*farmgate*) tidak dimanipulasikan oleh orang tengah;
- ii. Bekerjasama dengan Thailand dan Indonesia di bawah rangka *International Tripartiate Rubber Council* (ITRC). Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh negara *International Tripartite Rubber Council* (ITRC) ialah melaksanakan *Agreed Export Tonnage Scheme* (AETS) dan *Supply Management Scheme*

(SMS). AETS adalah skim jangka pendek yang melibatkan pengawalan/penahanan export getah asli manakala SMS merupakan langkah jangka panjang yang memantau perkembangan kawasan baru dan penambahan pengeluaran getah bagi setiap negara anggota sehingga tahun 2020 bagi memastikan tingkat penawaran tidak melebihi unjuran permintaan getah dunia. Ketiga-tiga Negara juga sentiasa menganalisa tren harga semasa; dan

- iii. Memperkukuhkan aktiviti-aktiviti promosi dan misi perdagangan getah asli atau produk getah asli untuk menembusi pasaran-pasaran baru seperti Timur Tengah, Afrika dan Amerika Selatan bagi produk-produk berasaskan getah seperti sarung tangan getah dan komponen automotif.

Di samping itu, Kerajaan juga mengambil langkah-langkah berterusan dan jangka panjang bagi memastikan pekebun kecil getah berdaya saing dan pendapatan berada di paras yang stabil termasuk:

- i. Meningkatkan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk mempelbagaikan kegunaan getah seperti pengeluaran produk getah yang mesra alam seperti Ekoprena dan Pureprena; dan
- ii. Menyediakan insentif menanam semula pokok-pokok getah yang tua dengan benih klon getah yang berkualiti tinggi.

Sekian, terima kasih.